



JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI TERENGGANU (JPINT)

SOALAN LAZIM PERMOHONAN KEMASUKAN TINGKATAN 1 SESI 2025/2026

1. Bagaimanakah calon boleh memohon SMANT/SABK & SMIDI?

Semua murid yang ingin memohon SMANT/SABK & SMIDI boleh membuat permohonan melalui pautan <http://smaonline.terengganu.gov.my/>

2. Apakah langkah-langkah untuk membuat permohonan kemasukan?

Calon / ibu bapa / penjaga perlu mengemukakan permohonan melalui laman web di atas dan mengisi permohonan dengan lengkap sebelum menghantar permohonan secara dalam talian. Calon yang menepati kriteria-kriteria ditetapkan dan menghantar borang lengkap akan dipanggil menduduki ujian dan temu duga Sila semak tarikh panggilan ujian dan temu duga dari semasa ke semasa melalui laman web berkenaan.. Calon yang telah melepassi ujian dan temu duga dan memperoleh keputusan baik dalam temu duga akan ditawarkan ke sekolah pilihan.

3. Apakah pautan untuk menyemak status permohonan saya?

Pautan untuk mengemukakan permohonan, mengemaskini permohonan dan menyemak permohonan dan tawaran melalui laman web : <http://smaonline.terengganu.gov.my>

4. Saya ialah murid sekolah rendah swasta dan sekolah saya tidak menggunakan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Adakah saya masih boleh memohon SMANT/SABK & SMIDI?

Semua murid yang menepati syarat-syarat am layak memohon ke sekolah berkenaan.

5. Apakah kriteria-kriteria am permohonan?

- Calon mestilah berumur tiga belas (13) tahun pada tahun semasa pengambilan murid tingkatan satu (1) (berdasarkan kohort umur sekolah kebangsaan/lahir pada 2hb Januari 2012 hingga 1hb Januari 2013).
- Calon mestilah warganegara Malaysia dan Rakyat Negeri Terengganu (calon lahir di Negeri Terengganu / Ibu atau/dan bapa lahir di Negeri Terengganu / ibu bapa telah bermastautin di Terengganu terus menerus serta mempunyai niat dan bukti-bukti lain akan tinggal tetap di Terengganu).
- Calon-calon yang layak memohon dari : Sekolah Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia), Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI), Sekolah Rendah Agama Rakyat & Sekolah Rendah Agama Swasta.
- Calon mestilah sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang penyakit kronik seperti penyakit lelah dan penyakit berjangkit.
- Calon telah menduduki Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) / Sijil Ibtidaiyyah Darul Iman (SIDI) /

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah Islam (UPSR) atau sekurang-kurangnya mempunyai ujian-ujian lain yang berbentuk kefahaman/amali fardu ain lain. Calon yang **mencapai keputusan terbaik dalam ujian berkenaan diberikan keutamaan.**

6. **Selain daripada permohonan SMANT/SABK & SMIDI secara dalam talian (*online*), adakah pemohon juga boleh memohon secara *offline* (*secara manual*)?**

Tidak. Pemohon hanya boleh memohon secara dalam talian (*online*).

7. **Bilakah permohonan SMANT/SABK & SMIDI secara dalam talian (*online*) akan dibuka?**

Permohonan kemasukan SMANT/SABK & SMIDI secara dalam talian (*online*) akan dibuka pada **8 September 2024 hingga 10 Oktober 2024** melalui pautan <http://smaonline.terengganu.gov.my>

8. **Saya berminat ke sekolah berasrama penuh. Apakah pilihan sekolah yang ada?**

Sekolah berasrama penuh di bawah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT)

1. Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala Terengganu (SABK).
2. Sekolah Menengah Islam Darul Iman, Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu.
3. Sekolah Menengah Islam Darul Iman Kuala Nerus, Terengganu (**pengambilan lelaki sahaja**)
4. Sekolah Menengah Islam Darul Iman Besut, Terengganu
5. Sekolah Menengah Islam Darul Iman Hulu Terengganu, Terengganu (**pengambilan perempuan sahaja**)

9. **Apakah Sekolah Menengah Agama harian (SMANT/SABK) di bawah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) ?**

Sekolah Menengah Agama harian di bawah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) ialah:

1. SMA Khairiah, Kuala Terengganu
2. SMA Sultan Zainal Abidin, Ladang, Kuala Terengganu
3. SMA Maarif, Besut
4. SMA Sultan Ismail, Dungun
5. SMA Marang, Marang
6. SMA Al-Falah, Kemaman
7. SMA Mahmudiah, Hulu Terengganu
8. SMA Ittifakiah, Besut
9. SMA Setiu, Setiu

10. **Mengapakah pilihan Madrasah Moden Terengganu tiada pada permohonan kali ini?**

Bermula sesi persekolahan 2024/2025, Madrasah Moden Terengganu akan dijenamakan kepada Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) dan Madrasah Moden Terengganu yang terlibat ialah :

1. Madrasah Moden Terengganu Kuala Nerus akan dijenamakan kepada Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) Kuala Nerus
2. Madrasah Moden Terengganu Hulu Terengganu akan dijenamakan kepada Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) Hulu Terengganu
3. Madrasah Moden Terengganu Besut akan dijenamakan kepada Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) Besut

